

Kes jenayah catat penurunan

Kecekapan polis bantu selesaikan 42.9 peratus kes dilaporkan

Star 21/6/2011 43

NUR FARHANA
ABDUL MANAN

SUBANG JAYA – Kecekapan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam pencegahan jenayah berjaya menurunkan 19.2 peratus jumlah jenayah di kawasan Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya dari Januari hingga 19 Jun berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar berkata, jumlah itu termasuk kes kekerasan dan kecurian harta benda yang dilaporkan.

"Kes jenayah menunjukkan penurunan dan keadaan di Subang Jaya kini boleh diibaratkan aman dengan ke-

“ Kes jenayah menunjukkan penurunan dan keadaan di Subang Jaya kini boleh diibaratkan aman dengan kekurangan kejadian tidak diinginkan.”

Zainal Rashid

kurangan kejadian tidak diinginkan.

"Kita juga berjaya menyelesaikan 42.9 peratus daripada keseluruhan kes jenayah yang dilaporkan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Serah Tugas Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya yang baru, di IPD Subang Jaya, semalam.

Pada majlis itu, Pemangku Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya sebelum ini, Deputy Superintenden Tengku Anuar Raja Husin menyerah-

kan tugas kepada Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya yang baru, Superintenden Tan Ah Chua.

Zainal dalam pada itu turut memaklumkan beliau percaya kehadiran Ah Chua dapat memantapkan lagi pentadbiran di IPD Serdang dan dapat meningkatkan pencegahan jenayah.

Sementara itu Ah Chua, 56, yang sebelum ini bertugas sebagai Pegawai Turus Pentadbiran Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka ber-



Ah Chua (kiri) menerima surat serah tugas daripada Tengku Anuar (kanan) sambil diperhatikan Zainal Rashid.

pengalaman 34 tahun dalam perkhidmatan PDRM.

Beliau berkata, antara

cabaran yang perlu ditempuhi memegang jawatan itu adalah dalam mengurangkan kes je-

nayah dan membawa mereka yang bersalah ke muka pengadilan.